

<https://journal.unisza.edu.my/mjis>

***QALB, SHADR DAN FUAD: SATU KORELASI MENGIKUT  
I'JAZ BAYANI DAN TAFSIR AL-QURAN***

**[*QALB, SHADR AND FUAD: A CORRELATION ACCORDING  
TO I'JAZ BAYANI AND TAFSIR AL-QURAN*]**

AMRINA RASYADA KAMARUZAMAN, NUR AINA MARDHIAH CHE RAHIM,  
ISKANDARRUZAMAN MOHD ZULKAFLI, NUR SYUHADA MOHD SUBRI  
& SITI NURONI MOHAMED <sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam  
Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan, MALAYSIA  
Email: [amrina.rasyada93@gmail.com](mailto:amrina.rasyada93@gmail.com); [n.ainamardhiah11@gmail.com](mailto:n.ainamardhiah11@gmail.com);  
[iskandarruzaman@gmail.com](mailto:iskandarruzaman@gmail.com); [syuhadasubri91@gmail.com](mailto:syuhadasubri91@gmail.com); [iskandarruzaman@gmail.com](mailto:iskandarruzaman@gmail.com)

\*Corresponding Author: [amrina.rasyada93@gmail.com](mailto:amrina.rasyada93@gmail.com)

Received Date: 10 November 2023 • Accepted Date: 22 December 2023

**Abstrak**

Setiap ayat yang diwahyukan oleh Allah SWT di dalam al-Quran memberikan makna dan tujuan yang tersendiri. Allah SWT menurunkan al-Quran dalam Bahasa Arab supaya manusia (menggunakan akal untuk) memahaminya (QS 12:2). Oleh itu kajian ini akan menunjukkan penggunaan tiga lafaz yang terpilih untuk perbezaannya iaitu lafaz "qalb", "shadr", dan "fuad" yang terdapat dalam al-Quran. Penggunaan tiga lafaz memberikan makna yang hampir kerana merujuk kepada aspek hati, emosi dan kehidupan batiniah manusia. Makna seakan sama akan tetapi wujud perbezaan diantaranya. Dalam kajian ini penulis akan memberikan definisi dan penjelasan terperinci tentang setiap konsep serta membuat perbandingan untuk memahami perbezaannya menurut perspektif al-Quran. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan sorotan literasi bersumberkan Google Scholar dan Attanzil dengan carian subjek "qalb", "shadr", dan "fuad". Kajian ini juga merujuk kepada tafsir Ibn Katsir untuk mengetahui secara terperinci akan huraian-huraian setiap tiga lafaz tersebut. Kajian ini penting untuk dijalankan supaya setiap orang dapat melihat dengan jelas penggunaan lafaz-lafaz itu sesuai mengikut kehendak makna ayat.

**Kata Kunci:** Qalb, Fuad, Shadr, Korelasi, I'jaz Bayani

## Abstract

Every verse revealed by Allah SWT in the Qur'an has its own meaning and purpose. Allah SWT revealed the Qur'an in Arabic so that people (use reason to) understand it (QS 12:2). Therefore, this study will show the use of three pronunciations selected for their differences, which are the pronunciations "qalb", "shadr", and "fuad" found in the Qur'an. The use of three pronunciations gives a close meaning because it refers to aspects of the heart, emotions and inner life of humans. The meaning seems to be the same but there are differences between them. In this study, the author will provide a detailed definition and explanation of each concept as well as make a comparison to understand the difference according to the perspective of the Quran. This study uses bibliographic methods and literature highlights sourced from Google Scholar and Atanzil with subject searches of "qalb", "shadr", and "fuad". This study also refers to the interpretation of Ibn Katsir to know in detail the descriptions of each of the three words. This study is important to carry out so that everyone can clearly see the use of the words according to the meaning of the verse.

**Kata Kunci:** Qalb, Fuad, Shadr, Correlation, I'jaz Bayani

**Cite as:** Amrina Rasyada Kamaruzaman, Nur Aina Mardhiah Che Rahim, Iskandarruzaman Mohd Zulkafli, Nur Syuhada Mohd Subri & Siti Nuroh Mohamed. 2023. *Qalb, Shadr dan Fuad: Satu Korelasi Mengikut I'jaz Bayani dan Tafsir al-Quran [Qalb, Shadr and Fuad: A Correlation According to I'jaz Bayani and Tafsir al-Quran]*. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 7(2): 37-48.

## PENGENALAN

Al-Quran merupakan mukjizat terbesar yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad SAW. Wahyu ini diturunkan oleh Allah melalui perantaraan malaikat Jibril. Kandungan kitab ini sarat dengan ilmu yang menjadi panduan buat manusia. Kitab ini menjadi rukun ke tiga yang wajib diimani oleh orang-orang yang beriman. Setiap perkataan serta ayat firman Allah ini memberikan makna yang mendalam untuk hambaNya untuk mengambil pengajaran dalam kehidupan seharian.

Penggunaan kalimah-kalimah di dalam al-Quran adalah berkait rapat dengan i'jaz bayani iaitu kategori I'jaz lafzi (i'jaz dari sudut lafaz) yang menjadi cabang kepada ilmu-ilmu i'jaz al-Quran. Berdasarkan Mu'jam Alfaz Al-Quran al-Karim (1989), maksud al-bayan ialah penerangan atau penjelasan. Menurut Al-Najjar, i'jaz bayani mengandungi perbincangan secara mendalam mengenai susun atur al-Quran dan ketinggian ilmu *balaghah* dan *fasahah* yang menjadi penggunaan utama berbanding i'jaz yang lain. I'jaz ini adalah satu bentuk cabaran besar kepada kafir Quraisy ketika penurunan al-Quran (Mohd Nathir, 2021).

Penggunaan perkataan *qalb*, *shadr* dan *fuad* sering disamakan dan berkait satu sama lain iaitu hati. Namun masih wujud perbezaan dari segi konteks dan tujuan. *Qalb* merujuk kepada jiwa manusia yang bersifat kekal kerana dengan jiwa manusia mampu mengetahui Tuhan. Jiwa menjadi bahagian yang paling penting dalam diri manusia dan penentu baik serta buruknya sesuatu keadaan. *Shadr* pula bermaksud dada yang menjadi tempat bagi *qalb*. Manakala *fuad*

adalah hati yang bersifat jujur iaitu hati nurani. Hati ini merupakan potensi bagi *qalb* mencapai sesuatu keputusan. Makna yang lebih tepat adalah suatu keyakinan (Suardi dan Irda, 2017).

Muvid (2021) dan Ahmad Tajudin (2015) membahagikan hati kepada empat bahagian yang saling berkaitan dan mempunyai fungsi tersendiri. Ash-shadr, al-qalb, al-fuad, dan al-lubb adalah bahagian tersebut. Ash-shadr adalah dada Islam, tempat cahaya dan tempat segala pengetahuan pilihan manusia yang mungkin lupa. Namun, hati, yang merupakan sumber ilmu hikmah dan isyarat, ialah al-qalb. Al-fuad, sebaliknya, merupakan sumber ma'rifat dan pengetahuan yang diperoleh melalui penyaksian atau hati kecil. Al-lubb, atau hati nurani, adalah yang terakhir. Ia adalah tempat di mana cahaya tauhid dan penyaksian terhadap Tuhan boleh bersinar. Hati adalah tempat utama Allah SWT melihat hambaNya. Sebagaimana yang dikatakan oleh Rasulullah SAW, "*Allah tidak melihat rupa kamu atau harta kamu, tetapi Dia melihat hati kamu dan apa yang kamu lakukan.*"

Di dalam al-Quran didapati kalimah *al-qalb* ditemui pada 130 tempat dalam 45 surah dan 112 ayat yang mempunyai erti dan makna yang pelbagai, sesuai dengan konteks ayatnya. Manakala kalimah *shadr* disebutkan dalam bentuk yang berbeza, pada ayat dan surah yang berbeza iaitu kalimah (صدرك) ada 4 ayat, (صدره) sebanyak 3 ayat, (صدري) pula sebanyak 2 ayat, (صدر) sebanyak 20 ayat, (صدركم) sebanyak 4 ayat dan (صدرهم) sebanyak 5 ayat. Adapun kalimah fuad di dalam Al-Qur'an terdapat dalam beberapa bentuk iaitu (الغواد) ada dalam 3 ayat, (غوادك) sebanyak 2 ayat, (أفئدة) boleh didapati dalam 8 ayat dan (أفئدتهم) sebanyak 3 ayat (*al-Mu'jam al-Mufahras fi Alfaz al-Qur'an, 1989*).

### Definisi Qalb, Shadr dan Fuad

**Qalb:** di dalam al-Quran القلب yang bermaksud hati iaitu organ dalam rongga yang mengawal peredaran darah dalam badan. Organ ini membantu membersihkannya dan menggerakkannya ke semua bahagian dalam badan termasuk otak. Hati merupakan alat perasaan dan pemikiran. Hati juga ada kaitan dengan minda atau akal fikiran (Mu'jam Alfaz Al-Quran al-Karim, 1989). Selain itu, Imam al-Ghazali mentakrifkan qalb sebagai sesuatu yang halus, kerohanian, ketuhanan, dan dikaitkan dengan jantung. Menurut Razif (2019), kehalusan adalah kualiti yang membolehkan seseorang mencerap, memahami dan mengenali sesuatu.

*Kamus Dewan* Edisi Pelajar (2017) mendefinisikan hati dengan beberapa takrifan iaitu yang pertama hati adalah satu organ yang berwarna perang kemerah-merahan di dalam tubuh yang mengeluarkan hempedu dan membersihkan darah. Kedua hati ialah tempat melahirkan segala perasaan atau secara batiniah. Yang ketiga hati bermaksud bahagian tengah pada sesuatu.

Suardi dan Irda (2017) pula mendefinisikan alqalb dengan bahagian yang tinggi dari suatu benda menjadi bahagian yang rendah atau membalikkan bahagian pangkal suatu benda menjadi bahagian hujungnya. Dinamakan qalb kerana sifatnya yang *taqallub* iaitu berubah-ubah atau membolak-balik. Bentuk jamak dari *qalb* adalah *qulub* iaitu segumpal daging berupa fuad (lubuk hati) yang tergantung pada jantung

**Shadr:** Berdasarkan Mu'jam Alfaz Al-Quran al-Karim (1989), *Shadr* merupakan bahagian yang memanjang dari bahagian bawah leher ke ruang berongga, dan dalam Al-Quran dipanggil hati atau jantung kerana terletak pada bahagian dalam badan. Menurut *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2017), dada bermaksud bahagian tubuh yang terletak di antara perut dengan leher. Dada juga merupakan rongga atau ruang yang mengandungi jantung dan paru-paru.

Manakala makna lain bagi shadr menurut Suardi dan Irda (2017) adalah bahagian yang paling atas di bahagian depan dari segala sesuatu dan juga yang paling awal. Shadr merupakan dinding hati yang menerima cahaya keindahan yang berfungsi untuk merasakan dan menghayati. Shadr menjadi tempat bisikan-bisikan jahat oleh syaitan dan tempat yang berkecamuk antara hak dan batil serta menjadi tempat menyimpan hasrat, kehendak, niat, kebenaran dan keberanian, di dalamnya juga tersimpan rasa cemas dan takut.

Dalam buku Ensiklopedia Al-Qur'an: Kajian Kosakata nukilan M. Quraish Shihab, shadr bermaksud dada, iaitu rongga tubuh yang menjadi tempat bagi jantung dan paru-paru. Dalam Lisān al-'Arab dijelaskan dengan bahagian atas atau depan dari segala sesuatu, atau permulaan dari sesuatu. Akan tetapi di dalam al-Qur'an, tidak dinyatakan dengan makna yang dikedepankan atau dengan makna permulaan. Di dalam al-Qur'an, shadr bermaksud dada, fikiran, dan banyaknya membawa maksud hati (Susilawati tt).

Menurut Al-Hakim al-Tirmizi (2009), fungsi Shadr ialah sebagai tempat di mana akal dan hati bertemu. Sebagai contoh, shadr adalah tempat di mana raja dan para pembesar berkumpul. Shadr berfungsi sebagai tempat di mana akal menghafal pengetahuan yang diperoleh melalui pelajaran dan menggunakan pancaindera. maklumat, hukum, dan semua ilmu yang disampaikan secara lisan, sebagai contoh. Shadr adalah seperti putih mata, ruang rumah, atau tempat minyak lampu, yang mengandungi sesuatu di dalam atau di luarnya.

**Fuad:** Mengikut Mu'jam Alfaz Al-Quran al-Karim (1989) di dalam bayan al-Farq, fuad juga sama makna dengan Qalb iaitu hati. Manakala Kamus Dewan Edisi Keempat (2017) mendefinisikan fuad dengan hati atau kalbu iaitu hati yang jernih. Suardi dan Irda (2017) pula mentakrifkan fuad yang membawa maksud akal dan hati yang terletak di bahagian tengah. Dari pengertian ini terdapatnya persamaan antara makna fuad dan qalb. Adapun Kamal Hassan (2011), menyatakan al-Quran menggunakan perkataan al-fuad dan jamak al-af'idah yang bermaksud hati. Namun fuad turut berperanan yang sama dengan akal. Syed Muhammad Naquib al-Attas (1995:119) menyatakan hal ini kerana akal bukan sahaja terpakai untuk menapis data yang diperoleh melalui cerapan dan pengalaman semata-mata, malah ia bertujuan memahami kebenaran agama dan hakikat kewujudan Allah SWT. Kalimah fuad berasal daripada kalimah fa'idah berdasarkan kajian Al-Hakim (2009). Fuad melihat dengan basirah, dan qalb berpuas hati dengan pengetahuan. Jika fuad tidak melihat, hati tidak akan dapat melihat faedah apa yang diketahuinya. Digambarkan sebagai orang yang bijak walaupun buta. Kerana matanya tertutup untuk melihat, ia tidak dapat menggunakan ilmunya ketika diminta menyaksikan atau melihat sesuatu.

Menurut Syamsudin (2009), fuad adalah sebahagian daripada qalb, atau hati (jamak: qulub). Fuad adalah tempat untuk melihat, dan hati adalah bahagian yang mengandungi pengetahuan. Jika penglihatan fuad dan pengetahuan hati digabungkan, sesuatu yang tidak dapat dilihat akan diketahui dan dirasai akibatnya. Hal ini akan meningkatkan keyakinan hamba. Di sini jelas bahawa fuad ialah tempat untuk makrifat dan rahsia yang halus. Setiap kali seseorang mendapat manfaat, ia berfungsi sebagai alat penglihat batin. Fuad mendapat manfaat terlebih dahulu daripada qalb. Fuad terletak di tengah-tengah qalb, manakala shadr atau dada, terletak di tengah-tengah qalb.

Berdasarkan al-Quran, Allah membahagikan fuad kepada empat aspek dan ciri. Pertama, aspek ontology bahawa Allah SWT telah menciptanya dan menguasainya. Kedua, aspek teleologi melibatkan perasaan nikmat atau azab dan tanggungjawab di akhirat. Ketiga, elemen

epistemology iaitu mempercayai kebenaran wahyu dan tidak terhad kepada pandangan mata kasar. Namun, unsur aksiologi yang keempat melibatkan pembentukan nilai estetika seperti cinta dan memberi kesan kepada emosi. Dari sudut metodologi penelitian Islami, fuad berfungsi untuk menyepadukan pendengaran dan penglihatan semasa melihat objek penelitian. Dari sudut aksiologinya, pula, ia berfungsi untuk mencapai pengagungan Allah SWT daripada objek penelitian. Dari sudut ontologinya, fuad berusaha untuk mengetahui hakikat kewujudan dan menjelaskannya dengan menghubungkan alam metafizik dengan alam natural atau alam kemanusiaan. Sebaliknya, dari sudut teleologinya, fuad mempunyai keupayaan untuk memahami bahawa setiap objek yang ia pelajari didasarkan pada takdir yang ditetapkan oleh Allah SWT, dan oleh itu ia lebih bertanggungjawab terhadap kesan yang mungkin ia hasilkan (Syahmir dan Syukri 2017).

## SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Pendekatan yang digunakan adalah secara kualitatif iaitu kaedah penelitian kepustakaan dan sorotan literasi bersumberkan *Google Scholar* dan *Attanzil* dengan carian subjek "qalb", "shadr", dan "fuad". Kajian ini turut sama menganalisis ayat-ayat al-Quran yang mengandungi kalimah Qalb, Shadr dan Fuad. Penelitian tiga kalimah ini kerana mempunyai makna yang sama namun terdapat perbezaan diantaranya. Kajian ini juga merujuk kepada tafsir Ibn Katsir untuk mengetahui secara terperinci akan huraian-huraian setiap kalimah Qalb, Shadr dan Fuad.

## ANALISA PENGGUNAAN LAFAZ QALB, SHADR DAN FUAD DALAM AL-QURAN

Dalam kajian ini, pengkaji hanya memilih ayat secara tunggal tanpa mengambil ayat jamak. Sebanyak 20 ayat Qalb, Sembilan ayat tentang Shadr dan lima ayat tentang fuad menjadi fokus kajian.

قلب			
Bil	Ayat Al-Quran	Terjemahan Ayat	Intisari ayat berdasarkan Tafsir Ibn Katsir
1	قُلْ مَنْ كَانَ عَدُوًّا لِجِبْرِيلَ فَإِنَّهُ نَزَّلَهُ عَلَى قَلْبِكَ بِإِذْنِ اللَّهِ (البقرة: ٩٧)	Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesiapa memusuhi Jibril maka sebabnya ialah kerana Jibril itu menurunkan Al-Quran ke dalam <u>hatimu</u> dengan izin Allah,	Al-Qur'an masuk ke dalam hati Nabi Muhammad SAW dengan perantaraan Jibril.
2	وَيُسْهِدُ اللَّهَ عَلَى مَا فِي قَلْبِهِ (البقرة: ٢٠٤)	dan ia (bersumpah dengan mengatakan bahawa) Allah menjadi saksi atas apa yang ada dalam <u>hatinya</u> ,	Menggunakan nama Allah sebagai saksi apa yang ada di dalam hatinya.

3	<p>قَالَ بَلَىٰ وَلَٰكِن لَّيَطْمَئِنُّ قَلْبِي ﴿البقرة: ٢٦٠﴾</p>	<p>Nabi Ibrahim menjawab: "Bahkan (aku percaya dan yakin), akan tetapi (aku memohon yang demikian ialah) supaya tenteram <u>hatiku</u> (yang amat ingin menyaksikannya)".</p>	<p>Nabi Ibrahim bertanya dengan tujuan supaya tenang dan teguh hati baginda dengan melihat cara dihidupkan makhluk yang telah mati.</p>
4	<p>وَمَنْ يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ آتَمٌ قَلْبُهُ ﴿البقرة: ٢٨٣﴾</p>	<p>dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa <u>hatinya</u>.</p>	<p>Jika menyembunyikan penyaksian maka berdosa hatinya.</p>
5	<p>وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ ﴿آل عمران: ١٥٩﴾</p>	<p>dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras <u>hati</u>, tentulah mereka lari dari sekelilingmu</p>	<p>Kalau Nabi SAW bercakap kasar atau hati keras (tidak mudah memaafkan orang) nescaya mereka akan lari daripada baginda</p>
6	<p>وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ يَحُولُ بَيْنَ الْمَرْءِ وَقَلْبِهِ ﴿الأنفال: ٢٤﴾</p>	<p>dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Allah berkuasa mengubah atau menyekat di antara seseorang itu dengan (pekerjaan) <u>hatinya</u>,</p>	<p>Allah SWT mengetahui hubungan antara seseorang dengan hati serta mengawal hati manusia.</p>
7	<p>مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أُكْرِهَ وَقَلْبُهُ مُطْمَئِنٌّ ﴿النحل: ١٠٦﴾</p>	<p>Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah), kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang <u>hatinya</u> tenang tenteram dengan iman.</p>	<p>Allah murka kepada mereka yang menyatakan kekufuran, kecuali dipaksa untuk berkata sedemikian sedangkan hatinya tetap tenang dengan Islam.</p>
8	<p>وَلَا تُطِيعُوا مَنْ أَغْفَلْنَا قَلْبَهُ عَن ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ أَمْرُهُ فُرُطًا ﴿الكهف: ٢٨﴾</p>	<p>dan janganlah engkau mematuhi orang yang Kami ketahui <u>hatinya</u> lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran Kami di dalam Al-Quran, serta ia menurut hawa nafsunya, dan tingkah-lakunya pula adalah melampaui kebenaran.</p>	<p>Tidak taat kepada orang yang Allah mengetahui keadaan hatinya yang lalai dari mengingati Allah.</p>
9	<p>إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿الشعراء: ٨٩﴾</p>	<p>"Kecuali orang-orang yang datang menghadap Allah dengan <u>hati</u> yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik).</p>	<p>Orang yang datang kepada Allah dengan hati yang bersih dan baik, maka harta dan anak pinak mereka dapat membantu mereka.</p>

10	عَلَى قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ (الشعراء : ١٩٤)	Ke dalam <u>hatimu</u> , supaya engkau (wahai Muhammad) menjadi seorang dari pemberi-pemberi ajaran dan amaran (kepada umat manusia).	Dan Allah memberitahu kepada Musyrikin Mekah bahawa Jibrail itu telah memasukkan wahyu ke dalam hati Rasulullah SAW dengan izinNya.
11	لَوْلَا أَنْ رَبَّنَا عَلَى قَلْبِهَا لِتَكُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ (القصص : ١٠)	Jika tidaklah Kami kuatkan <u>hatinya</u> (dengan perasaan sabar dan tenang tenteram), supaya tetaplah ia dari orang-orang yang percaya (akan janji Allah).	Allah meneguhkan hati ibu Musa dari menyampaikan bahawa bayi di istana Firaun adalah iaitu Musa.
12	مَا جَعَلَ اللَّهُ لِرَجُلٍ مِّن قَلْبَيْنِ فِي جَوْفِهِ (الأحزاب : ٤)	Allah tidak sekali - kali menjadikan seseorang mempunyai <u>dua hati</u> dalam rongga dadanya	Allah tidak menjadikan seorang 'lelaki' ada dua hati.
13	فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا (الأحزاب : ٣٢)	Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam <u>hatinya</u> (menaruh tujuan buruk kepada kamu),	Allah menyeru para isteri Nabi tidak berkata-akata dengan lembut manja ketika bermuamalah dengan sehingga menarik perhatian lelaki yang mempunyai penyakit dalam hatinya.
14	إِذْ جَاء رَبَّهُ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ (الصافات : ٨٤)	Ketika ia mematuhi perintah tuhanNya dengan <u>hati</u> yang suci murni.	Kisah Nabi Ibrahim a.s. sebelum diangkat menjadi Rasul. Baginda sudah mempunyai hati yang bersih dan sejahtera dari syirik.
15	كَذَلِكَ يَطْبَعُ اللَّهُ عَلَى كُلِّ قَلْبٍ مُتَكَبِّرٍ جَبَّارٍ (غافر : ٣٥)	Demikianlah Allah mengunci <u>hati</u> tiap-tiap orang yang sombong, ganas terhadap manusia.	Hati mereka akan dikunci mati dari terima kebenaran.
16	فَإِنْ يَشَأِ اللَّهُ يُخْتِمْ عَلَى قَلْبِكَ (الشورى : ٢٤)	Jika Ia menghendaki - menutup <u>hatimu</u> (dan ingatanmu daripada menyatakan apa yang engkau telah nyatakan itu.	Jika Nabi Muhammad itu benar-benar berdusta atas nama Allah, membawa ajaran baru serta ajaran yang tidak benar maka Allah akan tutup hati baginda.
17	وَأَضَلَّهُ اللَّهُ عَلَى عِلْمٍ وَخَتَمَ عَلَى سَمْعِهِ وَقَلْبِهِ (الجاثية : ٢٣)	Ia pula disesatkan oleh Allah kerana diketahuinya (bahawa ia tetap kufur ingkar), dan	Orang yang menjadikan hawa nafsu sebagai tuhan sudah tidak mampu

		dikunci pula atas pendengaran dan <u>hatinya</u> ,	menerima nasihat. Allah mengunci hati mereka dari menerima hidayah.
18	مَنْ خَشِيَ الرَّحْمَنَ بِالْغَيْبِ وَجَاءَ بِقَلْبٍ مُنِيبٍ (ق: ٣٣)	"(Iaitu) orang yang takut (melanggar perintah Allah) Yang Maha Pemurah, semasa tidak dilihat orang dan semasa ia tidak melihat azab Allah, serta ia datang (kepada Allah) dengan <u>hati</u> yang tunduk taat".	Orang yang datang bertemu dengan Allah dengan hati yang mahu kembali kepadaNya.
19	إِنَّ فِي ذَلِكَ لَذِكْرًا لِمَنْ كَانَ لَهُ قَلْبٌ أَوْ أَلْقَى السَّمْعَ وَهُوَ شَهِيدٌ (ق: ٣٧)	Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat peringatan bagi orang - orang yang mempunyai hati atau yang menggunakan pendengaran sedang dia menyaksikannya.	Sebagai peringatan kepada mereka yang mempunyai hati. Iaitu hati yang baik, apabila dia membaca ayat-ayat Al-Qur'an ini akan menyentuh hati
20	وَمَنْ يُؤْمِن بِاللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُ (التغابن: ١١)	Dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin <u>hatinya</u> .	Orang beriman akan dipimpin oleh Allah. Iaitu menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar.
<b>صدر</b>			
1	فَمَنْ يُرِدِ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدْ أَنْ يُضِلَّهُ يَجْعَلْ صَدْرَهُ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأْتَمَا بَصْعَدُ فِي السَّمَاءِ (الأنعام: ١٢٥)	Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk memberi hidayah petunjuk kepadanya nescaya Allah melapangkan <u>dadanya</u> (membuka hatinya) untuk menerima Islam; dan sesiapa yang Allah kehendaki untuk menyesatkannya, nescaya Ia menjadikan <u>dadanya</u> sesak sempit sesempit-sempitnya,	Orang yang mendapat hidayah Islam, Allah akan melapangkan dada manakala orang yang disesat dari hidayah agama Islam akan disempitkan dadanya.
2	فَلَا يَكُنْ فِي صَدْرِكَ حَرَجٌ مِّنْهُ (الأعراف: ٢)	Janganlah ada perasaan bimbang dalam <u>dadamu</u> mengenainya,	Janganlah ada kesempitan di dalam dada Nabi Muhammad ketika menyampaikan kitab al-Quran yang diturunkan kerana memberi pelajaran bagi orang yang beriman.
3	فَلَعَلَّكَ تَارِكٌ بَعْضَ مَا يُوحَىٰ إِلَيْكَ وَضَائِقٌ بِهِ صَدْرُكَ (هود: ١٢)	Jangan-jangan engkau (wahai Muhammad) tidak	Nabi merasa sempit dada apabila hendak



		menyampaikan sebahagian dari apa yang diwahyukan kepadamu serta merasa sempit <u>dada</u> untuk menyampaikannya disebabkan orang-orang yang ingkar itu berkata	menyampaikan ayat-ayat Al-Qur'an yang berat disebabkan kata-kata orang yang ingkar
4	وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّكَ يَضِيقُ صَدْرَكَ بِمَا يَقُولُونَ (الحجر: ٩٧)	Dan demi sesungguhnya Kami mengetahui, bahawa engkau bersusah <u>hati</u> dengan sebab apa yang mereka katakan.	Allah faham apa yang dirasakan dalam hati Nabi dan penyebar tauhid itu apabila mereka diperolok-olokkan.
5	وَلَكِنْ مَنْ شَرَحَ بِالْكُفْرِ صَدْرًا فَعَلَيْهِمْ عَذَابٌ مِّنَ اللَّهِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿النحل: ١٠٦﴾	akan tetapi sesiapa yang terbuka <u>hatinya</u> menerima kufur maka atas mereka tertimpa kemurkaan dari Allah, dan mereka pula beroleh azab yang besar.	Sesiapa sahaja yang hatinya senang dengan kekufuran
6	قَالَ رَبِّ اشْرَحْ لِي صَدْرِي (طه: ٢٥)	Nabi Musa berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku, lapangkanlah bagiku, <u>dadaku</u> ;	Nabi Musa menggunakan perkataan <u>صَدْرٌ</u> , iaitu 'dada'.
7	وَيَضِيقُ صَدْرِي وَلَا يَنْطَلِقُ لِسَانِي فَأَرْسِلْ إِلَى هَارُونَ (الشعراء: ١٣)	"Dan akan sempit pula <u>dadaku</u> serta tidak lancar lidahku; oleh itu utuskanlah perintahMu kepada Harun (supaya ia membantuku)	Nabi Musa akan merasa sempit dada dan tidak lancar pertuturannya. Oleh sebab itu baginda meminta Nabi Harun membantunya.
8	أَفَمَنْ شَرَحَ اللَّهُ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ فَهُوَ عَلَى نُورٍ مِّن رَّبِّهِ ﴿الزمر: ٢٢﴾	Jika demikian, adakah orang yang telah dilapangkan Allah <u>dadanya</u> untuk menerima Islam, lalu ia tetap berada dalam cahaya (hidayah petunjuk) dari Tuhannya,	Tidak sama antara satu orang yang dilapangkan dadanya oleh Allah untuk memahami Islam dengan orang yang keras hati tidak memahami Islam.
9	أَلَمْ نَشْرَحْ لَكَ صَدْرَكَ (الشرح: ١)	Bukankah Kami telah melapangkan bagimu: <u>dadamu</u> ?	Allah mengingatkan Nabi Muhammad bagaimana Dia telah lapangkan dada Nabi dengan cahaya Islam, iman dan hidayah petunjuk
فؤاد			
1	وَكَلَّا نَقُصُّ عَلَيْكَ مِنْ أَنْبَاءِ الرُّسُلِ مَا نُنَبِّئُ بِهِ فُؤَادَكَ ﴿هود: ١٢٠﴾	Dan tiap-tiap berita dari berita Rasul-rasul itu, kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad), untuk menguatkan <u>hatimu</u> dengannya.	Allah teguhkan hati Nabi Muhammad melalui kisah-kisah para nabi.

2	إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْنُونًا (الإسراء: ٣٦)	Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta <u>hati</u> , semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.	Setiap pancaindera kurniaan Allah akan dipertanggungjawabkan
3	كَذَلِكَ لِنُنَبِّئَ بِهٖ فُؤَادَكَ وَرَتَّلْنَاهُ تَرْتِيلًا (الفرقان: ٣٢)	Demikian kerana Kami hendak menetapkan <u>hatimu</u> (wahai Muhammad) dengannya, dan Kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu.	Al-Quran diturunkan secara beransur-ansur untuk menetapkan hati Nabi Muhammad SAW.
4	وَأَصْبَحَ فُؤَادُ أُمِّ مُوسَىٰ فَارغًا (القصص: ١٠)	Dan menjadilah <u>hati</u> ibu Musa kosong	Hati ibu Nabi Musa menjadi kosong kerana kehilangan Nabi Musa
5	مَا كَذَّبَ الْفُؤَادُ مَا رَأَىٰ (النجم: ١١)	<u>Hati</u> (Nabi Muhammad) tidak mendustakan apa yang dilihatnya.	Tentang kebenaran peristiwa Nabi Mi'raj ke Sidratul Muntaha.

## PERBINCANGAN

Setiap perkara yang diketengahkan oleh para pengkaji lepas tentang qalb, shadr dan fuad ini telah memiliki persamaan dan perbezaan definisi masing-masing. Qalb merupakan hati atau jiwa manusia yang menjadi penentu baik atau buruk sesuatu keadaan. Hati juga menjadi tempat bagi cahaya iman, sumber ilmu, hikmah dan isyarat. Hati juga merupakan organ dalaman dalam mengawal peredaran darah serta alat perasaan dan pemikiran yang mempunyai kaitan dengan minda atau akal fikiran. Jika diteliti dengan lebih mendalam, hati adalah sesuatu yang sangat halus, bersifat ketuhanan, batiniyah, kerohanian yang mempunyai hubungan erat dengan jantung. Sehingga mampu mengetahui dan mengenali sesuatu perkara yang terletak di tengah-tengah dada.

Menurut al-Quran hati merupakan tempat utama yang menjadi tumpuan oleh Allah SWT untuk memimpin serta memberikan petunjuk. Hati juga berperanan sebagai peringatan dan penyaksian atas segala perbuatan. Sifat hati yang berbolak-balik yang menjadikan keadaan hati yang tidak tetap pendirian dan berubah. Hati adalah tempat Allah membuka dan menutup ingatan serta menguncinya. Jenis hati yang disebutkan terbahagi kepada ciri-ciri hati yang positif dan negatif. Ciri hati yang positif adalah memiliki sifat taat, suci murni, sabar, tenang, tenteram, selamat sejahtera dari syirik. Manakala hati yang negatif adalah hati yang mempunyai kesombongan, lalai, sikap kasar dan berdosa. Hati yang negatif ini mudah dikenali dengan hati berpenyakit.

Seterusnya Shadr adalah tempat bagi qalb iaitu dada yang menjadi tempat bagi cahaya Islam dan tersimpan segala pengetahuan ikhtiar manusia (pilihan) yang memiliki kemungkinan untuk lupa. Dada ini bahagian yang memanjang dari bahagian bawah leher ke ruang berongga atau ruang yang mengandungi jantung dan paru-paru. Dada adalah bahagian yang paling atas

di bahagian depan dari segala sesuatu dan juga yang paling awal atau diluar hati. Dada menjadi dinding hati yang menerima cahaya keindahan yang berfungsi untuk merasakan dan menghayati. Dada adalah tempat bisikan-bisikan jahat oleh syaitan dan tempat yang berkecamuk antara hak dan batil. Didapati dada menjadi tempat menyimpan hasrat, kehendak, niat, kebenaran, keberanian, di dalamnya serta tersimpan rasa cemas dan takut. Shadr menjadi ruang pertemuan hati dan nafsu bertemu serta tempat bagi akal.

Namun didapati Shadr menurut al-Quran adalah tempat dilapangkan dada untuk menerima hidayah Islam. Shadr bersifat bimbang, sempit, susah hati, kekufuran dan kemurkaan. Nabi Musa berdoa supaya dilapangkan dada bukan sekadar hati kerana baginda mahu Allah mengukuhkan apa-apa sahaja yang perlu bukan hanya hatinya.

Manakala fuad juga bermaksud hati namun peranannya sama dengan akal kerana mampu melihat dengan mata hati Nurani. Fuad merupakan sebahagian daripada qalb iaitu hati yang menjadi tempat melihat dan hati menjadi bahagian pengetahuan yang terletak ditengah-tengah qalb. Fuad merupakan ciptaan Allah SWT dan dikuasai oleh-Nya. Fuad akan dipertanggungjawabkan di akhirat dan merasai nikmat atau azab. Fuad juga yang mengimani kebenaran wahyu dan tidak terhad kepada pandangan hanya pandangan mata kasar sahaja. Perasaan cinta juga sebahagian bagi fua dan memberi kesan kepada emosi seseorang.

Jika diteliti makna fuad di dalam al-Quran, fuad adalah tempat yang Allah menguatkan hati, meneguhkan hati serta akan disoal nanti. Fuad juga yang bermaksud hati kosong yang tidak mendustakan apa yang dilihat oleh hati Nurani. Al-Hakim al-Tirmizi membahagikan *shadr*, *qalb*, *fuad* kepada pembahagian dan martabat seperti di bawah:

<b>Shadr</b>	<b>Qalb</b>	<b>Fuad</b>
Cahaya Islam	Cahaya Iman	Cahaya Makrifah
Muslim	Mukmin	Arif
Ilmu Syariah	Ilmu Hakikat	Ru'yah Batiniyyah
Nafsu Ammarah	Nafsu Lawwamah	Nafsu Mulhamah

## KESIMPULAN

Setiap wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW perantaraan malaikat Jibril di dalam bahasa Arab. Oleh itu amat wajar kajian seperti ini dijalankan agar umat Islam dapat memahami dan menepati kehendak maksud ayat ketika menggunakan dalil-dalil al-Quran. Kalimah qalb, shadr dan fuad sahaja yang dijalankan dalam kajian ini dengan mengetengahkan kalimah yang tunggal sahaja tidak termasuk jamak. Apabila membuat penelitian definisi qalb, shadr dan fuad ini, pengkaji mendapati bahawa ketiga-tiga kalimah ini memiliki perbezaan meskipun ada yang berpendapat dengan maksud yang sama hati. Shadr merupakan lapisan paling luar iaitu dada, manakala di dalam dada terdapatnya qalb iaitu hati. Di dalam hati pula terdapatnya hati nurani yang paling dalam. Allah SWT telah menggunakan kalimah-kalimah ini sebagai perutusan kitab suci sebagai rujukan kepada umat Nabi Muhammad agar bertafakur dan mentadabbur ayat-ayatNya.

## RUJUKAN

- Ahmad Tajudin Arafat (2015), *Hakikat Hati Menurut al-Hakim al-Tirmizi*, UIN Walisongo Semarang, Fakulti Usuluddin, vol 1, no.1, jun 2015, 83
- AlHakim Al-Tirmizi (2009). *Bayan AlFarq Baina Al-Shadr wal Qalb wal Fuad wal Lubb*, Oman.
- Alias, M. S. (2017). Konsep al Fuad dalam al-Qur'an: Analisis dari Perspektif Metodologi Penelitian Islami. *Menemukan Kembali Paradigma Pembangunan Islami*, 219–246.
- Imam al-Ghazali, *Mutiara Ihya, Ulumuddin*, Cet. XVI, terj. Irwan Kurniawan, (Bandung: PT Mizan Pustaka, 2004), 195-196.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar Bahasa Melayu (2016), Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Asyraf, Mohd Sukki (2021), I'jaz Bayaniy Dan Perkembangan Kajian Menerusi Al-Qur'an, *Jurnal Al- 'Abqari*, 29-45.
- Mohamad Razif, 5 Januari 2019, <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-afkar/2986-al-afkar-35-maksud-qalb-fu-ad-dan-shadr> . Dicapai pada 13 September 2023
- Mohd Nathir, K.A. and Othman, M.S. 2021. *I'jaz Bayaniy dan Perkembangan Kajian Menerusi Al-Qur'an: I'jaz Bayaniy and Development of Research in Quran*. *'Abqari Journal*. 24, 1 (Apr. 2021), 29-45.
- Muhammad Fuad Abd Baqi (1989) *Al-Mu'jam al-Mufahras fi Alfaz al-Qur'an*, Al-Qism Al'Adabi, Darul Kutub Al-Misriah, Qaherah
- Muvid, M. B. (2021). *Zikir Penyejuk Jiwa: Panduan untuk Membersihkan Hati dan Membangun Akhlak Mulia*. Pustaka Alvabet.
- Mu'jam Alfaz al-Quran al-Karim, 1989, Juhuriyah Misr Al-Arabiyah, Juzk Awwal, Majma' Al-Lughah al-Arabiyah, al-Idarah al-'amah wa Ihya ah-thurath. Qaherah. 189.
- Nasikin, M., & Iskandar, I. (2021). Hati dalam Perspektif al-Qur'an dan Hadits. *Mushaf Journal: Jurnal Ilmu Al Quran dan Hadis*, 1(1), 62-73.
- Susilawati, E. *Makna Kata Şadr dalam al-Qur'an (Perspektif Semantik Toshihiko Izutsu)* (Bachelor's thesis, FU).
- Suarni, Irda Mawaddah (2017) *Lafaz Qalb, Shadr dan Fuad dalam Al-Qur'an*, Tafse : Journal of Qur'anic Studies, 2(1), 14-30.
- Tafsir Ibn Katsir (2017), *Lubab al-Tafsir*, Muassasah Dar al-Hilal Kairo, Cetakan kesepuluh, Pustaka Imam Asy-Syafie.